



**SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT 2014
(CORPORATE RESPONSIBILITY SEMINAR SERIES 2014)
“MENCAPAI INTEGRITI KORPORAT”**

**24 JUN 2014
HOTEL GRAND CONTINENTAL
KUALA TERENGGANU**

**KATA-KATA ALUAN OLEH
ENCIK MOHAMED ZANYUIN BIN ISMAIL
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi),
Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

Yang dihormati saudari Pengerusi Majlis;

Puan Nor Azimah Abdul Aziz, Pengarah, Bahagian Polisi & Pembangunan Korporat SSM;

Encik Rohaimi Abd Manan, Pengarah Negeri Terengganu,

Encik Rozaini bin Muhamed, Pengarah Negeri Pahang,

Encik Wan Abdul Rahim bin Wan Daud, Pengarah Negeri Kelantan,

Barisan Penceramah-Penceramah dari Institut Integriti Malaysia, Transparency International Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,

Wakil-Wakil Kementerian dan Agensi Kerajaan;

Ahli-Ahli Badan Profesional, Wakil-Wakil Persatuan; dan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Perpaduan; dan

Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para hadirin sekalian di atas kehadiran ke **Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM 2014** di Kuala Terengganu yang bertemakan "**Mencapai Integriti Korporat**" atau "**Achieving Corporate Integrity**".

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dunia perniagaan global kini adalah lebih kompetitif dan berhadapan dengan pelbagai cabaran. Syarikat dan perniagaan perlu melihat tanggungjawab korporat sebagai suatu peluang untuk maju ke hadapan dan bukannya sebagai satu bebanan. Malah, amalan tanggungjawab korporat boleh menyumbang ke arah pembangunan masyarakat, penjagaan alam sekitar dan memastikan negara kekal kompetitif sebagai sebuah destinasi perniagaan bertaraf antarabangsa. Sesbuah syarikat atau perniagaan

seharusnya mengintegrasikan elemen tanggungjawab korporat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dengan mengambil kira faktor-faktor pertimbangan yang terdiri daripada aspek alam sekitar, kemasyarakatan dan penjanaan ekonomi. Ini merupakan elemen positif terhadap penilaian prestasi syarikat oleh pengguna, pelanggan dan pembekalnya.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan bagi mencapai Wawasan 2020, SSM telah melancarkan Agenda Tanggungjawab Korporat SSM pada 30 Jun 2009 yang mengambil pendekatan konsep “Triple Bottom Line” yang melibatkan tiga elemen iaitu masyarakat, alam sekitar dan ekonomi dan menekankan betapa pentingnya penglibatan sektor swasta yang terdiri daripada syarikat dan perniagaan dalam membudayakan tanggungjawab korporat bagi mewujudkan status Negara maju dan berpendapatan tinggi. Dalam konteks ini, selaras dengan peranan SSM sebagai pengawalselia korporat dan Pendaftar bagi semua syarikat dan perniagaan di Malaysia, SSM boleh memainkan peranan yang strategik untuk menyemai idea dan konsep tanggungjawab korporat kepada syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan di Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Setakat **31 Mei 2014**, **1,079,468** syarikat tempatan dan **4,583** syarikat asing telah diperbadankan di SSM. Daripada jumlah syarikat tempatan ini, sebanyak **11,294** syarikat diperbadankan di **Terengganu** berbanding **10,928** bagi tempoh yang sama 2013. Pada masa yang sama, lebih dari **5,441,940** jumlah perniagaan telah berdaftar dengan SSM dan daripada jumlah ini, sebanyak **215,560** didaftarkan di **Terengganu** berbanding **202,678** bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Menurut Banci Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (ataupun SME Corporation Malaysia) yang dikeluarkan pada tahun 2011, jumlah perusahaan kecil sederhana (PKS) di Malaysia adalah sebanyak **645,136** di mana Terengganu merekodkan jumlah PKS sebanyak **22,514**.

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi suku tahun pertama 2014 merekodkan peningkatan peratusan sebanyak **6.2** berbanding dengan suku tahun pertama 2013 yang merekodkan peratusan sebanyak **4.2**. Bagi KDNK mengikut Negeri, Terengganu merekodkan peningkatan peratusan dari **2.9** dalam tahun **2011** kepada **3.5** dalam tahun **2012** di mana sektor perkhidmatan dan pembuatan disokong oleh subsektor bahan kimia dan produk kimia adalah merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Terengganu.

Jumlah pertumbuhan syarikat dan perniagaan yang semakin meningkat setiap tahun boleh membantu Kerajaan secara konsisten dalam menggalakkan konsep pembangunan mampan atau “*sustainable development*” yang menitikberatkan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat, di samping mengambil kira kepentingan komuniti setempat dan pemeliharaan alam sekitar dengan mengamalkan “*good corporate citizenship*”. Empat agenda utama yang didukung oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020 adalah dengan falsafah “1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi yang merupakan sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-Sepuluh dan juga Model Ekonomi Baru. Keempat-empat agenda ini berkait rapat dan secara langsung menyentuh mengenai konsep tanggungjawab korporat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Agenda Tanggungjawab Korporat SSM yang dilancarkan pada 30 Jun 2009 merupakan titik permulaan bagi SSM dalam usaha untuk mempromosi dan menyokong amalan tanggungjawab korporat di kalangan syarikat dan perniagaan di Malaysia. SSM telah menjalankan pelbagai aktiviti berkaitan dengan tanggungjawab korporat secara sendiri dan kolaborasi bersama rakan strategik seperti United Nations Children's Fund (UNICEF), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

- Pada tahun 2010 menyaksikan pelancaran pertama penerbitan SSM bersama UNICEF iaitu Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 1/2010 yang bertajuk "*Establishment of a Child Care Centre at the Work Place by Corporate and Business Employers*". Bagi melengkapai penerbitan pertama ini, SSM bersama-sama UNICEF sekali lagi bekerjasama dan mengeluarkan satu kit panduan bertajuk "*How to set up a Child Care Centre at the Work Place*". Kit ini telah dilancarkan oleh Y.A. Bhg. Datin Paduka Seri Rosmah binti Mansor pada 9 November 2010.
- Pada tahun 2011 pula, SSM telah melancarkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk "*Establishing a Conducive Working Environment for Women: Nursing Mothers Programme at the Workplace*". Pekeliling ini juga selari dengan tema penerbitan sebelumnya yang memfokus kepada persekitaran mesra keluarga dan kanak-kanak melalui pengendorsan program penyusuan ibu di tempat kerja.
- Bersama IIM, SSM mengadakan beberapa forum bersiri mengenai tanggungjawab korporat dan integriti korporat untuk meningkatkan

pemahaman tanggungjawab korporat dan integriti korporat di kalangan PKS.

- Bersama UKM, SSM mengadakan Persidangan Undang-Undang Tuanku Jaafar 2010 pada 19 dan 20 Oktober 2010. Persidangan ini telah dijalankan melalui beberapa siri kuliah yang bertemakan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat.
- Pada 2012, SSM telah memberi fokus kepada integriti korporat dengan pelancaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 3/2012 yang bertajuk "*Achieving Corporate Integrity*".
- Pada tahun 2013, SSM telah sekali lagi bekerjasama dengan UNICEF dalam menerbitkan Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 4/2013 bertajuk "*Education for Sustainable Development: Promoting Technical Education and Vocational Training (TEVT)*". Pekeliling ini menggalakkan syarikat dan perniagaan menawarkan latihan teknikal dan vokasional khususnya untuk pelajar-pelajar yang tercicir.
- Tahun 2013 juga menyaksikan pelancaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 5/2013 Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 5/2013 (BBPC) bertajuk "*Corporate Responsibility: Guidance Disclosure and Reporting*". Pekeliling ini adalah sebahagian dari usaha SSM untuk memperkenalkan regim baru pelaporan maklumat bukan kewangan (*non-financial information*) yang akan diperkenalkan melalui Akta Syarikat baru pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat ini dianjurkan dengan objektif untuk meningkatkan kesedaran di kalangan perniagaan kecil dan sederhana (PKS) mengenai isu-isu penting dan semasa yang berkaitan dengan amalan tanggungjawab korporat ke arah mencapai kelestarian perniagaan. Seminar yang pertama telah dijalankan di Kuala Lumpur pada tahun 2011.

Pada pertengahan tahun 2012, fokus telah diberikan kepada kelestarian perniagaan semasa seminar yang diadakan di Kota Kinabalu. Fokus telah diberikan kepada kepentingan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja semasa seminar yang diadakan di Johor Bahru pada hujung tahun 2012.

Pada tahun 2013, dua (2) Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat telah diadakan di Kuching, Sarawak dan Pulau Pinang. Tema bagi Sarawak telah memberi penekanan kepada inisiatif '*Heart of Borneo*' yang diusahakan oleh WWF (Malaysia) bersama negeri Sarawak, Sabah dan negara Brunei manakala tema di Pulau Pinang memberi fokus kepada Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 5/2013 bertajuk "*Corporate Responsibility: Guidance Disclosure and Reporting*".

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seminar Bersiri hari ini mengambil tema "Mencapai Integriti Korporat" selaras dengan pelancaran Buku Panduan yang diterbitkan oleh SSM bertajuk "**DARI IKRAR KEPADA AMALAN: PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA**" atau versi Bahasa Inggerisnya "**FROM PLEDGE TO PRACTICE: A GUIDE TO IMPLEMENT THE CORPORATE INTEGRITY SYSTEM MALAYSIA**".

Isu-isu integriti korporat yang merangkumi pencegahan dan pengesanan tingkah laku jenayah, keberkesanan kawalan dalaman, kebebasan juruaudit dan pengarah dan pendedahan dalam laporan kewangan menjadi cabaran harian bagi sesebuah syarikat. Kini, pematuhan bukan sahaja melibatkan pematuhan terhadap undang-undang tetapi juga pematuhan kepada piawaian lain yang direka untuk mengawal selia operasi dalaman syarikat itu sendiri.

Sehubungan itu, setiap agensi sama ada awam atau swasta yang terlibat dipertanggungjawabkan dengan pelan tindakan serta sasaran dan komponen yang ditetapkan berdasarkan objektif untuk meningkatkan kesedaran, komitmen dan kerjasama dalam usaha pemantapan integriti secara holistik dan menyeluruh.

Selaras dengan itu, pada bulan Mac 2011, SSM telah melancarkan Pekeliling Amalan Terbaik Perniagaan 3/2012 yang bertajuk “Mencapai Integriti Korporat” atau “*Achieving Corporate Integrity*”. Pekeliling ini menggalakkan sektor swasta membuat pengisytiharan unilateral dengan melaksanakan “Ikrar Integriti Korporat”.

Bagi panduan yang lebih lengkap, pada 22 April tahun ini, SSM telah melancarkan Buku Panduan bertajuk **“DARI IKRAR KEPADA AMALAN: PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA”**. Buku Panduan ini dirangka dengan kerjasama di antara ahli-ahli Meja Bulat Integriti Korporat yang terdiri daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (“SPRM”) selaku peneraju, Institut Integriti Malaysia (“IIM”), Unit Pengurusan Prestasi dan Perlaksanaan (“PEMANDU”), Bahagian Pemantauan dan Penyelarasian NKRA Rasuah, Transparency International Malaysia (“TI”), Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sendiri. Buku ini menyediakan panduan mengenai Rantaian Nilai

Sistem Integriti Korporat Malaysia atau *Corporate Integrity System Malaysia Value Chain (CISM Value Chain)* yang bertujuan untuk membantu komuniti korporat di Malaysia menilai keberkesanan Ikrar Integriti Korporat yang telah dimeterai.

Kemantapan dalam bidang integriti bagi sesebuah syarikat secara tidak langsung menyumbang kepada amalan tadbir urus korporat yang lebih telus dan efektif. Ini selaras dengan usaha berterusan SSM di bawah bidang tanggungjawab korporat mengikut Agenda Tanggungjawab Korporat SSM yang menggalakkan syarikat dan perniagaan mengamalkan budaya niaga secara beretika, berintegriti dan berakauntabiliti.

Penerangan lanjut mengenai inisiatif tanggungjawab korporat SSM dan integriti korporat akan disampaikan oleh penceramah-penceramah seterusnya.

Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa SSM sebagai pengawalselia korporat dan Pendaftar bagi semua syarikat dan perniagaan di Malaysia akan terus melaksanakan pelbagai langkah dan usaha untuk menggalakkan komuniti korporat melaksanakan tadbir urus korporat seiring dengan tanggungjawab korporat. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat SSM 2014 di Kuala Terengganu.

Akhir kata, saya akhiri ucapan saya dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Terima Kasih.

ENCIK MOHAMED ZANYUIN BIN ISMAIL
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)
24 Jun 2014